

UNISSA terbitkan buku panduan haji dan umrah



Tetamu kehormat ketika merasmikan pelancaran buku panduan berkenaan.

Oleh Yusrin Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Julai - Buat julung-julung kalinya khusus bagi panduan para jemaah haji dan umrah di Negara Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) telah menerbitkan buku panduan 'Al-Muhadathah bi Al-Lughah Al-Arabiyyah Li Agrad Hajj-Umrah-Ziarah' (Perbualan Bahasa Arab Untuk Haji-Umrah-Ziarah).

Pelancaran buku panduan berkenaan telah diadakan hari ini di UNISSA dan disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku tetamu kehormat majlis.

Buku panduan berkenaan

bermatlamat untuk membantu para jemaah haji dan umrah serta mereka yang berhasrat menziarahi Mekah Mukarramah dan Madinah Munawwarah berkomunikasi dalam Bahasa Arab mengikut situasi dan lokasi yang berbeza misalnya lokasi di lapangan terbang di Jeddah, tempat mengurup wang, hotel, restoran, stesen bas dan teksi, semasa mengerjakan ibadah haji dan umrah, termasuk perbualan di kedai cenderamata, pasar raya dan banyak lagi.

Disamping segmen perbualan ini, buku itu juga mengandungi pelbagai doa dan glosari perkataan bagi rujukan para jemaah haji dan umrah serta penziarah. Buku tersebut disertakan de-



Antara yang hadir pada majlis tersebut.

ngan terjemahan dalam Bahasa Melayu.

Dengan penerbitan buku panduan itu, satu program turut dibukakan untuk membantu para jemaah menggunakan buku panduan berkenaan agar dapat membaca dengan sebutan yang betul lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan doa-doa.

Dr. Haji Norarfan semasa menyampaikan ucapan di majlis itu mengharapkan sambutan daripada orang ramai khususnya bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam agar dapat mengambil kesempatan yang berharga ini untuk mempelajari Bahasa Arab sebagai bahasa

rasmi di Tanah Suci, di samping merupakan bahasa Al-Quran.

"Dalam kesempatan ini dan bersempena bulan Syawal yang mulia ini, saya ingin menyeru semua jabatan dan agensi yang berkaitan untuk sama-sama membantu pihak UNISSA untuk membantu bakal-bakal jemaah haji dan umrah Negara Brunei Darussalam dengan memberikan buku dan program ini sebagai panduan dan persiapan para jemaah ketika mengadakan ibadah dan ziarah ke Haramain."


Menyentuh mengenai Program 'Perbualan Bahasa Arab Untuk Haji-Umrah-Ziarah', beliau menjelaskan ia merupakan

program kesinambungan daripada program-program terdahulu iaitu Mari Belajar Bahasa Al-Quran untuk orang ramai dan Program Kemahiran Bahasa Al-Quran.

Dengan terbitnya buku panduan dan juga program berkenaan, tambah beliau, ia dapat dimanfaatkan oleh mana-mana jabatan dan agensi yang terlibat secara langsung dengan pengurusan jemaah haji dan umrah.

Buku panduan berkenaan terdapat dalam dua jenis, naskah berkulit nipis berharga \$10 dan naskah berkulit tebal pula berharga \$20 yang boleh didapati di Kedai Buku UNISSA Press.

Program Keagamaan Senegara kembali lagi



Antara yang hadir di Sekolah Agama Lambak.

Oleh Siti Nur Wasimah S. & Normazlina M.D

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Julai - 'Cintakan Negara Manifestasikan Iman' merupakan tema Program Keagamaan Senegara Persekolahan Agama dan Arab bagi bulan ini yang diadakan di keempat-empat daerah, hari ini.

Program keagamaan senegara itu bermula jam 8 pagi bagi semua sekolah Arab dan sekolah agama sesi pagi dan jam 2 petang bagi semua sekolah agama sesi petang seluruh negara.

Di Daerah Brunei dan Muara, program telah diadakan di Sekolah Agama Lambak, Jalan Bedil di mana lebih 200 orang pelajar Pra sehingga Darjah 6 menghadiri program tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis ialah Guru Besar sekolah agama berkenaan, Dayangku Hajah Jurinah binti Pengiran Haji Sabtu.

Terdahulu, program dimulakan dengan sesi tazkirah 'Cintakan Negara Manifestasikan Iman' yang telah disampaikan oleh guru sekolah berkenaan, Awang Mohamad Hazrin bin Daud.

Menurutnya, di negara ini, peranan sultan dapat dilihat dari awal kemasukan Islam lagi. Perlembagaan Negeri Brunei 1959 telah mengukuhkan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara dan hak mengendalikannya hal ehwal Islam dalam diberikan kepada sultan yang bertindak sebagai ketua agama.

Kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam, jelasnya lagi, yang didukung dengan usaha-usaha yang dilaksanakan dengan penuh rapi, teliti, amanah dan rasa tanggungjawab telah membawa dan memandu masyarakat Brunei kepada penghayatan pengajaran Islam sepenuhnya.

Beliau turut menjelaskan, dalam Islam, konsep pembentukan negara yang stabil dan harmoni adalah berasaskan taat kepada Allah, Rasul dan Ulil Amri.

Ketaatan kepada agama dan kecintaan kepada raja dengan berpandukan ajaran Islam telah memberikan kesejahteraan hidup aman makmur dalam kalangan rakyat yang dapat dinikmati hingga ke hari ini, tambah beliau.

Program kemudian diteruskan lagi dengan bacaan Surah Yasin



Dayangku Hajah Jurinah (tengah) semasa hadir di majlis itu.

beramai-ramai sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-71 serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, di Daerah Tutong, program seumpamanya telah diadakan di Sekolah Agama Penanjong yang dihadiri oleh kira-kira 155 orang murid Darjah Pra hingga Darjah 6. Turut hadir ialah Guru Besar sekolah berkenaan, Hajah Rosni binti Haji Ahmad.

Tazkirah dalam program itu telah disampaikan oleh salah seorang guru sekolah berkenaan, Hajah Azalinah binti Haji Ali Ahmad yang kemudian juga diikuti dengan bacaan Surah Yasin beramai-ramai bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

dan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Tema program kali ini antara lain menekankan bahawa masyarakat Islam merupakan masyarakat yang beramal dengan hukum-hukum daripada sistem kehidupan yang diturunkan oleh Allah dari segi ekonomi, sosial, muamalah, kehakiman dan perundangan mahupun keperibadian.

Untuk mengembangkan semangat patriotisme memerlukan sikap sanggup berkorban, amanah, ikhlas dan mempunyai niat baik yang akan mewujudkan negara aman dan makmur serta rakyat yang mendokong kepimpinan raja yang adil lagi laila bijak-sana.